



MODUL PEMBELAJARAN ABAD KE-21 (PAK-21)

AKTIVITI 1 Penulisan Pantas (*Rocket Writing*)

Tugasan

1. Murid-murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan. Setiap kumpulan akan menentukan warna kumpulan mereka.
2. Setiap kumpulan diberikan sehelai kertas.
3. Guru meminta setiap kumpulan berbincang tentang peranan teknologi dalam pendidikan.
4. Jangka masa yang diberi adalah selama 5 minit.

Contoh Cadangan Jawapan



AKTIVITI 2 Hentian Bas (*Bus Stop*)

Tugasan

1. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
2. Guru menampal soalan menggunakan kertas sebak di dinding beberapa tempat dalam kelas.
3. Murid bergerak dari satu hentian ke hentian yang lain dalam satu kumpulan mengikut arahan guru. Pada masa yang sama, murid diminta untuk berbincang tentang soalan berkenaan.
4. Setelah selesai berbincang di setiap hentian, semua kumpulan membentangkan pendapat.
5. Kumpulan lain akan memberikan komen.
6. Komen dan maklumat yang diterima akan direkodkan.

Contoh Cadangan Jawapan

1. Apakah faktor-faktor tarikan pelancong ke Malaysia?

2. Apakah kebaikan melancong dalam negara?

3. Nyatakan kepentingan industri pelancongan terhadap perkembangan ekonomi negara.

4. Apakah halangan dan cabaran industri pelancongan?

5. Senaraikan langkah untuk memajukan industri pelancongan.

AKTIVITI 3 Persembahan (*Presentation*)

Tugasan

1. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
2. Setiap kumpulan ditugaskan untuk membuat persembahan sajak 'Kijang yang Lelah' secara kreatif.
3. Setiap kumpulan diberikan masa selama 20 minit untuk membuat persediaan.
4. Guru akan membuat penilaian dan memberikan markah terhadap persembahan setiap kumpulan.

Contoh Cadangan Jawapan

Suara nyaringnya tidak lagi gah bergema
Ketika temulang kudratnya bergetar di tengah rimba
Dia tidak lagi mampu menobatkan takhta
Mengorak telapak di tanah menghijau.

Saat itu
Sebak menyentap dahan kalbu
Dedaun resah mula berguguran
Pepohon batin akhirnya tumbang
Akarnya menguncup di perdu harap.

Hari ini
Dia cuba bangkit dengan kekuatan kaki
Menghambat waktu yang bersisa
Walau dalam jera lelah
Seakan dibelenggu setiap inci jiwa raga.

Bimbang tersadung akar dan jerat
Sang kijang lebih berhati-hati menapak
Meski dalam peribadi yang keruh
Diredah belantara yang mula teduh
Nun jauh di batas nuraninya
Dia tetap menjinjing tekad dan tabah
terus mengorak penuh berhemah
dengan akal dan hati
dia tidak lagi gundah
menyusun gerak dan langkah.

(Antologi Bintang Hati, Tingkatan 3, Kementerian Pendidikan Malaysia)

AKTIVITI 4 Baca dan Tanda (*Read and Highlight*)

Tugasan

1. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
2. Guru memberikan sehelai kertas yang mengandungi satu petikan yang berlainan kepada setiap kumpulan.
3. Setiap murid dalam kumpulan diminta untuk membaca petikan mengikut perenggan secara bergilir-gilir.
4. Murid dikehendaki untuk mengenal pasti dan menanda kata-kata kunci atau ayat-ayat penting dalam setiap petikan tersebut.

Contoh Cadangan Jawapan

Kegagalan fungsi ginjal bukanlah suatu perkara yang baharu dalam kalangan masyarakat di negara ini. Buah pinggang perlu dijaga dengan baik bagi mengelakkan sebarang komplikasi dengan mengamalkan pemakanan seimbang. Selain itu, kita digalakkan untuk minum air sekurang-kurangnya lapan gelas sehari bagi mengelakkan batu karang terbentuk pada buah pinggang. Sikap individu yang tidak endah akan kesihatan buah pinggang di samping gaya hidup yang tidak menitikberatkan amalan pemakanan yang sihat akan memberikan kesan terhadap ketahanan buah pinggang.

Golongan yang paling tinggi menghidap penyakit buah pinggang ialah mereka yang berumur dalam lingkungan 40 hingga 60 tahun. Pemeriksaan kesihatan hendaklah dilakukan setahun sekali bagi memastikan buah pinggang berada dalam keadaan yang sihat. Paras gula dalam badan hendaklah dikawal bagi mencegah diabetes kerana kerosakan buah pinggang berkait rapat dengan penyakit diabetes. Di samping itu, seseorang itu perlulah peka akan perubahan diri, khususnya penurunan berat badan dan kurang selera makan yang menjadi tanda-tanda awal kerosakan buah pinggang.

Langkah pencegahan yang terbaik untuk diamalkan adalah amalan gaya hidup sihat. Selain bersenam dan bersukan, kita hendaklah menjauhi tabiat merokok dan tidak mengambil minuman beralkohol. Seterusnya, seseorang itu perlulah berwaspada dengan pengambilan suplemen tambahan yang diragui kandungannya.